

**“FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI STRES DALAM KALANGAN  
PELAJAR KURSUS SECARA SAMBILAN (KSS) BIDANG KEJURUTERAAN  
DI POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH (PSA)”**

**SITI NUUR HAZIRATUL BINTI GHAZALI**

“Tesis Ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Syarat Penganugerahan  
Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan  
(Kejuruteraan Elektrik)”

**Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia**

**JANUARI 2012**

“Saya akui ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan :

Nama Penulis : SITI NUUR HAZIRATUL BINTI GHAZALI

Tarikh :

## DEDIKASI

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasih  
Segala pujian atas limpah kurnia Allah S.W.T. Tuhan seluruh alam.  
Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W.

Istimewa buat Ayahanda dan Bunda

En. Ghazali Bin Arifin dan Pn. Rokiah Binti Saat

Dorongan dan pengorbanan mu tidak mampu ku ungkapkan dengan kata-kata

Maafkan segala salah dan silap dari anakmu ini.

Tiada yang lebih indah dalam hidup ini selain daripada mendapat kerendhaanmu.

Buat kakakku serta adikku, ikatan kasih sayang kita selamanya

Buat teman-teman seperjuangan, semoga kita bersama-masa mencapai kejayaan,

Terima kasih untuk segalanya...

## PENGHARGAAN

Segala puji-pujian Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya, rahmat serta hidayah-Nya, penyelidikan ini dapat disempurnakan seperti yang dicita-citakan. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W. pesuruh Allah S.W.T yang amat dikasihi.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya Pn. Sanitah Mohd. Yusof atas bimbingan, nasihat, tunjuk ajar serta perbincangan yang telah diberikan sepanjang penyelidikan projek sarjana muda ini. Tanpa bantuan dan dorongan beliau, penyelidikan ini tidak dapat disempurnakan dengan jayanya. Selain itu, ribuan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), Shah Alam yang sudi memberikan kerjasama yang amat bermakna buat diri ini. Tiada kata yang mampu diungkapkan setelah menerima layanan yang baik dari pihak Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), Shah Alam serta kerjasama daripada pelajar KSS di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), Shah Alam. Tidak lupa juga buat Dr. Roslee Bin Ahmad, yang sudi meluangkan masa beliau untuk mengesahkan borang soal selidik, serta memberi nasihat dan tunjuk ajar semasa menyediakan soal selidik.

Akhir kata, jutaan terima kasih kepada yang membantu serta memberi kerjasama, rakan-rakan seperjuangan yang turut terlibat dalam membantu dari segi nasihat dan perbincangan, serta membantu dalam penyediaan Projek Sarjana Muda ini.

Sekian. Wassalam.

## ABSTRAK

Kajian tinjauan ini dijalankan bagi mengenal pasti tahap faktor-faktor persekitaran pembelajaran, persekitaran pekerjaan, pengurusan masa dan kewangan yang mempengaruhi stres dalam kalangan pelajar Kursus Secara Sambilan (KSS) bidang kejuruteraan di Politenik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA). Selain itu, kajian ini juga dijalankan untuk mengenalpasti adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor-faktor yang mempengaruhi stres berdasarkan jantina dan status perkahwinan. Kajian ini melibatkan seramai 105 orang responden yang mengikuti bidang Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Elektrik dan Kejuruteraan Mekanikal. Data dikumpul melalui soal selidik dan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science for Windows Version 18 (SPSSv18)*. Kaedah analisis deskriptif dan inferensi seperti kekerapan, peratusan, skor min dan ujian-T digunakan untuk menjawab persoalan kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor paling dominan mempengaruhi stres dalam kalangan pelajar KSS ialah faktor pengurusan masa (min 4.02) dan diikuti oleh faktor kewangan (min 3.69), faktor persekitaran pembelajaran (min 3.03) dan akhir sekali faktor persekitaran pekerjaan (2.56). Ujian-T menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor-faktor stres yang mempengaruhi stres berdasarkan jantina dan status perkahwinan. Secara keseluruhannya masalah stres dalam kalangan pelajar KSS adalah berada pada tahap sederhana.

## ABSTRACT

The purpose of this study is to identify stress level of engineering students in Kursus Secara Sambilan (KSS) at Politenik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) that is caused by learning environment, work environment, time management and financial. Furthermore, this study is conducted to identify if there is any significant difference between factors that is causing stress based on gender and marital status. This study involves 105 sample of students from Civil Engineering, Electrical Engineering and Mechanical Engineering. Set of questionnaire has been distributed to collect data and then data was analyzed by using the Statistical Package for Social Sciences for Windows Version 18 (SPSS). Descriptive method and inferential statistic such as score mean, frequency, percentage and T-test is used to analyze the data. The main cause that contributes to stress among KSS students is time management factor (mean 4.02), followed by financial factor (mean 3.69), learning environment factor (mean 3.03) and lastly working environment factor (mean 2.56). From the T-test, there is no significant difference between factors that is causing stress based on gender and marital status. Finding research indicates that stress levels among KSS students from engineering field in PSA are at the average level.

## SENARAI KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>PENGESAHAN STATUS TESIS</b>	
	<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>	
	<b>JUDUL</b>	<b>i</b>
	<b>PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
	<b>DEDIKASI</b>	<b>iii</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
	<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xi</b>
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xiii</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xiv</b>
<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	8
	1.4 Persoalan Kajian	8

1.5	Objektif Kajian	9
1.6	Hipotesis Kajian	10
1.7	Rational Kajian	11
1.8	Skop Kajian	12
1.9	Batasan Kajian	13
1.10	Definisi Terminologi	13

## **BAB 2 KAJIAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	16
2.2	Definisi Stres	17
2.3	Kajian-kajian Luar Negara	18
2.4	Kajian-kajian Dalam Negara	23
2.5	Penutup	28

## **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	29
3.2	Reka Bentuk kajian	30
3.3	Kerangka Operasi	31
3.4	Lokasi Kajian	32
3.5	Sampel dan Populasi	32
3.6	Kaedah Mengumpul Data	33
3.7	Instrumen Kajian	33
	3.7.1 Bahagian A	35
	3.7.2 Bahagian B	35
3.8	Kaedah Menganalisis Data	36
	3.8.1 Cara Pemarkatan	37
3.9	Kajian Rintis	37



3.9.1	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	38
3.10	Jangka Masa Kajian	39
3.11	Penutup	39

## **BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	41
4.2	Analisis Bahagian A	42
4.2.1	Taburan Responden Mengikut Ciri Demografi	43
4.3	Analisis Bahagian B	46
4.3.1	Dapatan Kajian	46
4.3.2	Analisis Deskriptif Terhadap Item-Item Soal Selidik	46
4.4	Persoalan Kajian 1 : Analisis Tahap Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Stres	55
4.5	Persoalan Kajian 2 : Analisis Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Stres Berdasarkan Jantina	56
4.5.1	Analisis Faktor Persekitaran Pembelajaran Berdasarkan Jantina	57
4.5.2	Analisis Faktor Persekitaran Pekerjaan Berdasarkan Jantina	58
4.5.3	Analisis Faktor Pengurusan Masa Berdasarkan Jantina	59
4.5.4	Analisis Faktor Kewangan Berdasarkan Jantina	60
4.6	Persoalan Kajian 3 : Analisis Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Stres Berdasarkan Status Perkahwinan	61

4.6.1	Analisis Faktor Persekitaran Pembelajaran Berdasarkan Status Perkahwinan	61
4.5.2	Analisis Faktor Persekitaran Pekerjaan Berdasarkan Status Perkahwinan	62
4.5.3	Analisis Faktor Pengurusan Masa Berdasarkan Status Perkahwinan	63
4.5.4	Analisis Faktor Kewangan Berdasarkan Status Perkahwinan	64
4.6	Penutup	65
<b>BAB 5</b>	<b>RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN</b>	
5.1	Pengenalan	66
5.2	Rumusan Kajian	67
5.3	Perbincangan	68
5.3.1	Perbincangan Persoalan Kajian 1	68
5.3.2	Perbincangan Persoalan Kajian 2	72
5.3.3	Perbincangan Persoalan Kajian 3	73
5.4	Cadangan	73
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	76
5.6	Penutup	78
	<b>REFENRENCES</b>	79
	<b>LAMPIRAN</b>	83

**SENARAI JADUAL**

<b>NO. JADUAL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Jadual 3.1	Bilangan Populasi Berdasarkan Bidang Kejuruteraan	32
Jadual 3.2	Taburan Item Dalam Set Borang Soal Selidik Kajian	34
Jadual 3.3	Skala Likert	35
Jadual 3.4	Kaedah Menganalisis Data	36
Jadual 3.5	Pengkelasan Skor Min	37
Jadual 3.6	Kadar Kebolehpercayaan Instrumen	38
Jadual 4.1	Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Ciri Demografi	43
Jadual 4.2	Faktor Persekitaran Pembelajaran	47
Jadual 4.3	Faktor Persekitaran Pekerjaan	49

Jadual 4.4	Faktor Pengurusan Masa	51
Jadual 4.5	Faktor Kewangan	53
Jadual 4.6	Tahap Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Stres	55
Jadual 4.7	Analisis Faktor Persekitaran Pembelajaran Berdasarkan Jantina	57
Jadual 4.8	Analisis Faktor Persekitaran Pekerjaan Berdasarkan Jantina	58
Jadual 4.9	Analisis Faktor Pengurusan Masa Berdasarkan Jantina	59
Jadual 4.10	Analisis Faktor Kewangan Berdasarkan Jantina	60
Jadual 4.11	Analisis Faktor Persekitaran Pembelajaran Berdasarkan Status Perkahwinan	61
Jadual 4.12	Analisis Faktor Persekitaran Pekerjaan Berdasarkan Status Perkahwinan	62
Jadual 4.13	Analisis Faktor Pengurusan Masa Berdasarkan Status Perkahwinan	63
Jadual 4.14	Analisis Faktor Kewangan Berdasarkan Status Perkahwinan	64

**SENARAI SINGKATAN**

$\alpha$	alpha cronbach
f	frekuensi
%	Peratus
t	Nilai ujian-T
STS	Sangat tidak setuju
TS	Tidak setuju
KS	Kurang Setuju
S	Setuju
SS	Sangat setuju
SPSS	<i>Statistical Packages for the Social Science (SPSS) v18.0 For Windows</i>
N	Bilangan Responden
KSS	Kursus Secara Sambilan
PSA	Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
IPTA	Institusi pengajian tinggi awam

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Lampiran A	Borang Soal Selidik	83
Lampiran B	Surat Permohonan Kebenaran Mendapatkan Maklumat	91
Lampiran C	Surat Pengesahan Soal Selidik	95
Lampiran D	Analisis Kebolehpercayaan Soal Selidik ( <i>Reliability Analysis</i> )	97

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Stres atau tekanan adalah tindakbalas fizikal, emosi dan mental seseorang terhadap perubahan atau tuntutan. Sebagai manusia biasa, pastinya setiap daripada kita pernah merasai pengalaman tertekan atau stres dalam kehidupan seharian. Sama ada kita suka atau tidak, hampir setiap hari yang dilalui kita perlu berhadapan dengan situasi atau perkara tertentu yang boleh mencetuskan stres.

Sesuatu pengalaman atau kejadian yang sering dialami individu oleh seseorang individu juga boleh menyebabkan stres. Menurut kajian yang dijalankan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1990 dalam Zulkifli (1997), mendapati bahawa dua daripada sepuluh penduduk Malaysia atau satu daripada lima penduduk terdedah kepada stres.

Nyata sekali bahawa stres boleh berlaku kepada sesiapa sahaja. Stres boleh mendatangkan gangguan ke atas pemikiran, perasaan dan aktiviti seharian individu. Lebih memburukkan keadaan, stres banyak berlaku dalam kalangan pelajar IPT.

Lessard (1998) dalam Mohd Zaid (2007), mendapati bahawa stres bukan sahaja dialami oleh orang dewasa, malahan turut dialami oleh pelajar universiti. Ini kerana universiti merupakan satu tempat yang mempunyai persekitaran unik yang sering kali menuntut pelajar mengimbangi pelbagai peranan dan tugas yang perlu dilaksanakan oleh mereka. Sekiranya tidak berjaya, mereka akan mudah mengalami stres yang berpunca daripada perasaan kecewa, bimbang, dan putus asa.

Stres menurut Kamus Dewan bermaksud keadaan resah, cemas, dan tegang akibat tekanan mental dan fizikal. Oleh itu, golongan yang banyak menghadapi perasaan resah dan cemas adalah mangsa stres. Pelajar universiti pada awal tahun pengajian, amat mudah terdedah kepada stres disebabkan oleh proses transisi kehidupan mereka di universiti (Towbes dan Cohen, 1996).

Senario beginilah yang bakal berlaku sekiranya pelajar tidak dapat menyesuaikan diri dengan perubahan besar apabila bergelar mahasiswa di IPTA yang mana memerlukan usaha yang bersungguh-sungguh untuk memperolehi keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan. Persaingan yang sengit dalam mengejar kecemerlangan akademik akan memberikan tekanan yang tinggi kepada pelajar dalam merealisasikan impian dan wawasan mereka. Sistem penentuan gred bagi setiap subjek yang diambil tidak bergantung kepada markah dalam peperiksaan akhir semata-mata. Inilah yang menjadi satu pembaharuan besar bagi pelajar yang memasuki alam kampus.

Kehidupan sebagai pelajar dalam menuntut ilmu dan memperolehi pelbagai kemahiran di IPTA berkait rapat dengan stres. Golongan ini akan berasa stres kerana mereka dihujani dengan pelbagai tugas yang diberi oleh para pensyarah dan pada masa yang sama, mereka terpaksa mengulangkaji pelajaran bagi setiap subjek yang diambil untuk persediaan menghadapi ujian-ujian dan kuiz-kuiz yang biasa diadakan pada setiap sesi kelas.



## 1.2 Latar Belakang Masalah

Institusi pengajian tinggi di negara ini semakin banyak menawarkan program-program pengajian separuh masa khususnya kepada mereka yang sedang bekerja. Matlamat utama program pengajian separuh masa diadakan adalah bagi membolehkan seseorang individu melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi tanpa perlu berhenti bekerja atau mengambil cuti belajar. Pelajar yang mengikuti program pengajian ini mampu memperoleh keputusan peperiksaan yang memuaskan tanpa menjejaskan prestasi kerja mereka dengan majikan masing-masing.

Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan Politeknik Malaysia adalah satu unit yang diberi tanggungjawab untuk memperluaskan kemudahan pengajian diploma separuh masa kepada industri dan masyarakat. Dalam mengejar arus persaingan ilmu yang tinggi, maka Kursus Secara Sambilan (KSS) diadakan demi membantu pelajar lepasan sijil politeknik yang bekerja untuk memperolehi diploma melalui pengajian separuh masa. KSS ditawarkan di politeknik seluruh Malaysia dengan pelbagai bidang diploma. Antara kursus yang ditawarkan adalah seperti Diploma Kejuruteraan Awam (DKA), Diploma Ukur Bahan (DUB), Diploma Kejuruteraan Elektronik (DKE), Diploma Pengajian Perniagaan (DPM) dan juga Diploma Kejuruteraan Mekanikal (DKM).

Sesi pengajian pelajar separuh masa adalah sama seperti pelajar sepenuh masa. Bezanya ialah pelajar KSS mengikuti kuliah pada setiap hujung minggu. KSS dijalankan dalam empat semester minimum (2 tahun) dan enam semester maksimum (3 tahun). Pengajian KSS adalah mengikut modul yang telah diselaraskan dengan sistem diploma politeknik sepenuh masa. Dengan ini, pelajar KSS akan memperolehi diploma setaraf dengan pelajar sepenuh masa seterusnya membolehkan mereka menggunakan diploma tersebut untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi atau untuk tujuan kenaikan pangkat.

Kadar yuran yang dikenakan kepada pelajar KSS untuk memperolehi diploma setaraf dengan pelajar sepenuh masa ialah di antara RM1000 sehingga RM2000 mengikut bidang pengajian. Walaupun kadar yuran bagi KSS adalah berpatutan, tetapi ianya masih dikategorikan agak mahal bagi mereka yang mempunyai pekerjaan dengan gaji yang sederhana. Tambahan pula, terdapat juga golongan pelajar KSS yang telah berkeluarga dan ini akan menambahkan beban mereka memandangkan kos sara hidup pada masa kini juga semakin meningkat. Ini adalah kerana pendapatan mereka perlu diagihkan untuk kegunaan sendiri, keluarga, pembelajaran, pelaburan dan juga simpanan. Kajian Ramli (1998) di UTM terhadap faktor-faktor yang mendorong guru-guru yang telah berkeluarga melanjutkan pelajaran, mendapati 24.6% pelajar yang telah berkeluarga menganggap masalah kewangan sebagai masalah utama dalam kehidupan mereka manakala 31.5% responden yang bujang juga mempunyai anggapan yang sama.

Sumber kewangan merupakan asset penting bagi seseorang pelajar dalam menuntut ilmu dan melanjutkan pelajaran. Wang diperlukan untuk pembayaran yuran, keperluan pengajian yang selesa dan sempurna serta kos sara diri pelajar. Kesempitan wang boleh menyebabkan seseorang menjadi tertekan. Kajian Yunus (1984) mendapati kesempitan wang menjadi punca berlakunya tekanan di kalangan mahasiswa. Masalah kewangan adalah antara punca seseorang individu menanggung untuk melanjutkan pelajaran. Situasi ini diakui oleh kajian Abdul Jalil (1993) yang mendapati faktor kewangan merupakan salah satu permasalahan bagi seseorang guru untuk melanjutkan pelajaran ke pusat pengajian tinggi. Faridah (1976) dalam Ismeehan (2002) juga memperolehi hasil yang sama dalam kajiannya iaitu pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran merasa bimbang dengan masalah kewangan. Perasaan runsing dan bimbang yang berterusan akan menyebabkan stres pada diri seseorang.

Pelajar KSS akan menghadapi perubahan apabila kembali bergelar pelajar setelah lama meninggalkan alam pengajian. Selain itu, mereka juga berhadapan dengan sistem pengajian yang berbeza iaitu kuliah pada setiap hujung minggu. Semestinya, persekitaran pembelajaran bagi pelajar separuh masa adalah berbeza

dengan pelajar sepenuh masa. Aziz *et al.* (1995) dalam kajian Hisamudin (1997) mendapati bahawa sememangnya wujud masalah bagi pelajar yang telah lama meninggalkan alam persekolahan untuk kembali menjadi pelajar. Oleh yang demikian persediaan awal penting untuk memudahkan proses adaptasi kepada persekitaran yang baru.

Persekitaran pembelajaran yang negatif akan memberikan impak kepada tahap stres seseorang pelajar. Kajian stres dalam persekitaran pembelajaran yang dijalankan oleh Deckro *et al.* (2002), menunjukkan bahawa stres memberi kesan kepada pencapaian akademik, perasaan kekecewaan, kemerosotan kesihatan fizikal dan kecenderungan membunuh diri. Kesan negatif dari stres ini akan menghalang seseorang pelajar daripada mencapai keputusan yang cemerlang. Pelajar yang lemah dalam pelajaran akan mengalami stres yang membimbangkan. Jika stres tersebut tidak ditangani dengan baik, pelajar ini didapati akan memilih aktiviti yang salah dan akan lebih kerap gagal berbanding pelajar lain (Brewster, 2001).

Kekangan masa memang cabaran utama bagi mereka yang menjadi pelajar KSS. Situasi ini mungkin lebih berat bagi mereka yang berkeluarga kerana mereka perlu membahagikan komitmen antara akademik, pekerjaan dan juga keluarga. Pelajar KSS terpaksa mengorbankan hujung minggu mereka bagi mengejar masa depan yang lebih baik. Dalam situasi tertentu kemungkinan mereka terpaksa mendahulukan pelajaran daripada meluangkan masa bersama keluarga.

Rutin harian yang sibuk dan tuntutan tugas yang banyak serta kekurangan masa untuk diri sendiri dan keluarga akan menyebabkan seseorang individu mengalami stres. Bertepatan dengan kajian Fakrul Radzi (2002) terhadap 260 responden yang menyatakan beban kerja dan masa merupakan punca stres di kalangan Mahasiswa Pendidikan Teknikal Dan Vokasional di UTM.

Kelayakan diploma yang bakal diperolehi boleh digunakan untuk kenaikan pangkat dan gaji. Kajian Omar Latif (1998) terhadap pelajar institusi pengajian tinggi yang telah berkeluarga mendapati 83.9% responden bersetuju bahawa dengan memiliki ijazah adalah tiket untuk mendapatkan gaji yang lebih baik. Secara tidak langsung mereka dapat menaikkan taraf hidup masing-masing. Perkara ini diakui benar kerana menurut kajian Zulkarnain (1998) yang mendapati 78% responden melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi adalah untuk meningkatkan taraf hidup.

Memandangkan pelajar KSS adalah terdiri daripada mereka yang bekerja sambil belajar, mereka perlu membahagikan perhatian mereka terhadap lebih daripada satu perkara dalam satu masa contohnya seperti pelajaran dan pekerjaan. Bagi yang telah berkahwin pula mereka perlu memikirkan dan memberi perhatian terhadap keluarga masing-masing. Berbeza dengan pelajar sepenuh masa yang mempunyai kelebihan untuk fokus sepenuhnya terhadap pelajaran. Persekitaran pekerjaan mempunyai kesannya tersendiri terhadap seseorang individu. Mengikut Person Environment Fit Theory yang dipelopori oleh French, Rogers, dan Cobb (1978) dalam Robbins (1998), apabila persekitaran kerja tidak memenuhi keperluan dan keupayaan pekerja, maka pekerja tersebut akan mengalami distress. Senario ini menunjukkan pelajar separuh masa menanggung beban yang lebih berbanding pelajar sepenuh masa dan berkemungkinan mereka lebih cenderung untuk mengalami stres.

Perbezaan stres dalam kalangan pelajar sepenuh masa dan pelajar separuh masa adalah berbeza. Namun begitu, terdapat pelajar yang berupaya berhadapan dengan stres tanpa mengalami apa-apa kesan fizikal, mental atau emosi yang negatif sebaliknya boleh memotivasikan diri. Terdapat juga pelajar yang tidak berupaya menguruskan stres apabila berada dalam pengajian di alam kampus.

Stres yang melebihi tahap tertentu sekiranya tidak dikawal akan mewujudkan pelbagai masalah kepada seseorang individu (Romas dan Sharma, 2004). Kebiasaannya, stres akan dialami dalam pelbagai keadaan seperti rasa kesunyian, kurang tidur, keresahan, kebimbangan yang tinggi serta simptom-simptom fisiologi yang ditunjukkan kesan daripada sesuatu peristiwa yang dialami (Wright, 1967 dalam Mastura, 2007). Oleh yang demikian, stres boleh menyebabkan kehidupan dan pergaulan seharian seseorang pelajar terjejas sehingga memberi impak negatif terhadap tahap kesihatan, personaliti, interaksi sosial dan pencapaian akademik mereka.

Azhar M. Zain (Berita Harian, 6 Mac 2002), menyatakan kira-kira 25 hingga 35 peratus pelajar di negara ini mengalami tekanan perasaan akibat daripada bebanan pelajaran yang semakin meningkat. Menurutnya lagi, sistem pendidikan yang mengutamakan kecemerlangan dalam bidang akademik menyebabkan pelajar tidak mempunyai waktu untuk berehat dan mengadakan aktiviti atau kegiatan yang lain.

Menurut Campbell dan Svenson (1992) dalam Mastura *et al.* (2007), apabila stres dilihat dari aspek negatif atau tekanan yang terlalu tinggi, ianya boleh mendatangkan kesan negatif terhadap kesihatan dan pencapaian akademik seseorang pelajar. Oleh kerana stres di kalangan pelajar merupakan satu fenomena yang membimbangkan pelbagai pihak sekiranya tidak ditangani secara menyeluruh, maka adalah penting bagi mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan stres pelajar dan seterusnya, penyelidik mengemukakan cadangan-cadangan yang sesuai kepada pihak politeknik untuk merangka polisi-polisi yang boleh mengurangkan stres di kalangan pelajar-pelajar tersebut. Justeru kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi stres dalam kalangan pelajar Kursus Secara Sambilan (KSS) bidang kejuruteraan di politeknik

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi stres dalam kalangan pelajar Kursus Secara Sambilan (KSS) bidang kejuruteraan di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA)?

### **1.4 Persoalan Kajian**

- 1.4.1 Apakah tahap faktor-faktor yang mempengaruhi stres dalam kalangan pelajar KSS bidang kejuruteraan di PSA?
- 1.4.2 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor-faktor yang mempengaruhi stres berdasarkan jantina?
- 1.4.3 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor-faktor yang mempengaruhi stres berdasarkan status perkahwinan?

## 1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- 1.5.1 Menenal pasti tahap faktor-faktor yang mempengaruhi stres dalam kalangan pelajar Kursus Secara Sambilan (KSS) bidang kejuruteraan di PSA.
- 1.5.2 Menenal pasti adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara aspek persekitaran pembelajaran sebagai faktor yang mempengaruhi stres berdasarkan jantina.
- 1.5.3 Menenal pasti adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara aspek persekitaran pekerjaan sebagai faktor yang mempengaruhi stres berdasarkan jantina.
- 1.5.4 Menenal pasti adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara aspek pengurusan masa sebagai faktor yang mempengaruhi stres berdasarkan jantina.
- 1.5.5 Menenal pasti adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara aspek kewangan sebagai faktor yang mempengaruhi stres berdasarkan jantina.
- 1.5.6 Menenal pasti adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara aspek persekitaran pembelajaran sebagai faktor yang mempengaruhi stres berdasarkan status perkahwinan.

- 1.5.7 Mengenal pasti adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara aspek persekitaran pekerjaan sebagai faktor yang mempengaruhi stres berdasarkan status perkahwinan.
- 1.5.8 Mengenal pasti adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara aspek pengurusan masa sebagai faktor yang mempengaruhi stres berdasarkan status perkahwinan.
- 1.5.9 Mengenal pasti adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara aspek kewangan sebagai faktor yang mempengaruhi stres berdasarkan status perkahwinan.

## **1.6 Hipotesis Kajian**

$H_{01}$  : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara aspek persekitaran pembelajaran sebagai faktor yang mempengaruhi stres berdasarkan jantina.

$H_{02}$  : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara aspek persekitaran pekerjaan sebagai faktor yang mempengaruhi stres berdasarkan jantina.

$H_{03}$  : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara aspek pengurusan masa sebagai faktor yang mempengaruhi stres berdasarkan jantina.



- Ho<sub>4</sub> : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara aspek kewangan sebagai faktor yang mempengaruhi stres berdasarkan jantina.
- Ho<sub>5</sub> : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara aspek persekitaran pembelajaran sebagai faktor yang mempengaruhi stres berdasarkan status perkahwinan.
- Ho<sub>6</sub> : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara aspek persekitaran pekerjaan sebagai faktor yang mempengaruhi stres berdasarkan status perkahwinan.
- Ho<sub>7</sub> : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara aspek pengurusan masa sebagai faktor yang mempengaruhi stres berdasarkan status perkahwinan.
- Ho<sub>8</sub> : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara aspek kewangan sebagai faktor yang mempengaruhi stres berdasarkan status perkahwinan.

## **1.7 Rasional Kajian**

Terdapat beberapa faktor yang menunjukkan signifikannya kajian ini dilakukan iaitu :